

---

HARI KHAMIS, 19 MEI 1994, PUKUL 2.30 PETANG

- \*1. Tuan Haji Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:
- (a) apakah langkah-langkah positif yang akan dimainkan oleh Malaysia bagi mengujudkan balik semangat setiakawan kumpulan G-15, supaya insiden kurang korum di sidang New Delhi 28-31 Mac 1994 yang lalu tidak berulang kembali; dan
  - (b) adakah Malaysia menganggap sidang di New Delhi ini mencapai kejayaan keseluruhannya.

**\*2. Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada usaha-usaha sedang dijalankan untuk mewujudkan suasana berbaik-baik dengan media asing supaya diadakan pertukaran wartawan-wartawan dan juga bahan-bahan media elektronik supaya dapat ditayangkan di kaca TV di negara-negara yang berkenaan, dan jika ya, adakah Kementerian bercadang untuk memulakan dengan media Inggeris.

**\*3. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Pertanian menyatakan sebab-sebab kenaikan harga ayam daging semasa perayaan tahun baru China dan juga nyatakan adakah kekurangan bekalan ayam daging disebabkan pengeluar ayam daging ini ingin mengaut keuntungan yang cepat dan apakah tindakan Kerajaan untuk mendakwa mereka yang sengaja merancang untuk menaikkan harga ayam daging ini.

**\*4. Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada projek Hidro Letrik Bakun akan mempercepatkan proses industri di Malaysia dan juga di negara ASEAN yang lain dan jika ya, adakah Kementerian akan bercadang untuk mempercepatkan pembinaan empangan air yang akan menelan belanja RM15 billion itu.

**\*5. Tuan Limun Laikim** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kerugian wang pertukaran asing berjumlah RM5.7 bilion oleh Bank Negara itu akan menjejaskan dasar kewangan negara dan jika tidak apakah caranya untuk mendapatkan balik wang yang begitu besar itu.

**\*6. Tuan Tiong Thai King** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Dasar Pelajaran Negara masih berasaskan kepada 3M. Dan jika benar apakah sistem ini memberi pemikiran yang berwawasan kepada pelajar-pelajar di sekolah-sekolah di negara ini seperti pemikiran yang bebas, berani dan bertindak sebagaimana pelajar-pelajar di Barat.

**\*7. Dato William Chek Lin Kwai** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) sejauhmanakah bakal penarikan balik status "most favoured nation" (MFN) oleh Amerika Syarikat yang diberi kepada Negeri China akan mempengaruhi perdagangan negara dan dalam bagaimana;
- (b) bagaimanakah dengan status Generalised System of Preferences (GSP) negara. Adakah Kerajaan Malaysia akan merayu untuk mendapatkan balik status itu jika ia ditarik balik oleh Kerajaan Amerika Syarikat; dan
- (c) apakah pula persediaan dan langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia untuk menghadapi cabaran tidak lagi bergantung kepada status GSP itu.

**\*8. Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah keuntungan yang diperolehi oleh negara hasil dari pameran LIMA 1993.

**\*9. Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan dengan meningkatnya perkhidmatan kesihatan membolehkan manusia hidup lebih lama. Negara akan mempunyai lebih ramai penduduk wargatua dan mereka juga mahu terus hidup di dalam keadaan selesa tanpa membebankan Kerajaan:

- (a) apakah pelan induk perkhidmatan sosial bagi menampung keperluan-keperluan warga-warga tua yang menuju ke wawasan 2020; dan
- (b) bagaimanakah wargatua dapat meneruskan hidup mereka dengan keadaan yang aman dan selesa jika terpaksa tinggal di tingkat atas rumah pangsa yang tidak mempunyai perkhidmatan lif.

**\*10. Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah tindakan Kementerian selanjutnya ke atas kumpulan 'YAKUZA' yang menjual gadis-gadis Malaysia ke Jepun untuk dijadikan pelacur;
- (b) namakan syarikat-syarikat egen pelancongan yang bersindiket dengan 'YAKUZA' dan apakah tindakan yang dikenakan ke atas syarikat egen pelancongan ini; dan
- (c) berapakah jumlah gadis yang dilaporkan hilang kerana menjadi mangsa 'YAKUZA'.

**\*11. Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk merangka dasar pertukaran pengajar antara universiti tempatan sebagai langkah mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar yang semakin serius kini.

**\*12. Tuan Isli Haji Siput** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) berapa jalanraya yang telah siap diturap dengan tar di Negeri Sabah sehingga rancangan Malaysia Keenam dan berapakah jumlah kos yang terlibat;
- (b) siapakah kontraktor yang telah diberikan tender terhadap kerja-kerja tersebut; dan
- (c) berapakah lagi jalan yang telah diluluskan untuk dibina atau dibubuh tar dalam rancangan Malaysia Keenam yang sedang dalam pembinaan dan yang akan dibina.

**\*13. Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa terdapat guru-guru yang mengajar di kawasan pedalaman kurang minat mengajar sehingga beberapa hari tidak hadir mengajar;

- (a) apakah tindakan terhadap guru-guru ini; dan
- (b) adakah pihak Kementerian akan memperhebatkan sistem naziran sekolah-sekolah tersebut.

**\*14. Puan Rosalind Yau Shuk Meng** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapakah kos pembinaan dan baik pulih lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban sehingga ia siap nanti. Adakah Kerajaan dapat menentukan berapa lamakah kutipan tol bagi menebus kembali kos pembinaan itu.

**\*15. Tuan Haji Saidin bin Mohamad** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah waris-waris yang menerima pampasan mendapat perhatian daripada Persatuan Perajurit atau sebagainya supaya pampasan yang diperolehi dapat dipergunakan dengan sebaik mungkin.

**\*16. Dato' K. Vijayanathan** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan merujuk kepada kes-kes kebelakangan mengenai pembuangan kotoran toxic (toxic waste) di Selat Melaka, bolehkah beliau beri butir-butir mengenai pembuangan baru-baru ini dan sumber-sumber berkaitan pembuangan kotoran toxic (toxic waste) dan sama ada pembuangan tersebut akan menjejaskan nyawa marin di Selat tersebut. Adakah Kerajaan berunding dengan negara-negara yang bertanggungjawab bagi pembuangan tersebut bagi maksud mendapat pampasan dan untuk mendapat jaminan bahawa pembuangan kotoran toxic tidak akan berlaku pada masa hadapan.

**\*17. Tuan Haji Saidin bin Mohamad** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah LTN merancang hendak mengadakan program Pembangunan Rakyat Termiskin terutama bagi Negeri Perlis, Melaka, Negeri Sembilan, Johor dan Pahang bagi tujuan membantu mereka dalam mengusahakan tanaman tembakau.

**\*18. Tuan Ho Cheng Wang** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) bilangan pelancong asing yang telah melawat Malaysia dan faedahnya dalam tahun 1994;
- (b) adakah jawapan (a) mencapai matlamat-matlamat Tahun Melawat Malaysia 1994; dan
- (c) jikalau tidak memuaskan, nyatakan tindakan yang akan diambil oleh Kementerian.

**\*19. Tuan Haji Shuib bin Haji Endut** minta Menteri Pendidikan menyatakan tentang:

- (a) jumlah sekolah Kristian yang terdapat di negara kita; dan
- (b) adakah beliau sedar, masih terdapat sekolah-sekolah bantuan penuh Kerajaan yang mana terdapat tanda salib di dinding dan bumbung sekolah itu. Kalau sedar, adakah Kerajaan berhasrat untuk 'menghapuskannya'.

**\*20. Dato' Zainol Abidin bin Johari** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah beliau berpuas hati dengan keadaan perumahan bagi anggota tentera Malaysia, terutama yang berpangkat rendah.

**\*21. Tuan Shahiruddin Abdul Moin** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sejauhmana siasatan mengenai pencabulan athlit sukan.

**\*22. Tuan Rahim bin Baba** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah beliau sedar bahawa tujuan utama Tabung Haji ditubuhkan dulu ialah menjadi saluran tabungan bagi umat Islam menunaikan haji tetapi sejak akhir-akhir ini Tabung Haji telah mula memasuki bidang perniagaan secara aktif, apakah ini tidak bercanggah dengan tujuan utama penubuhannya dan hasrat penyimpan sendiri; dan
- (b) apakah bidang perniagaan yang telah diceburi oleh Tabung Haji dan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan bahawa pelaburan yang dibuat selamat dari sebarang kerugian. Jika berlaku kerugian apakah ianya akan ditanggung oleh penyimpan.

**\*23. Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Pendidikan menyatakan jenis dan jumlah kes-kes disiplin yang serius di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah dan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan atas masaalah-masaalah tersebut.

**\*24. Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapa dalam program KBSR pelajar-pelajar dibebankan dengan beg-beg yang berat dan besar dan adakah pihak Kementerian mengkaji cara-cara mengurangkan buku teks ini.

**\*25. Tuan Haji Dol bin Dollah** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan setakat ini berapa buah koperasi bermasalah telah berjaya dipulihkan oleh Bahagian Perkhidmatan Pulih Koperasi (PEKA) dan apakah faktor-faktor utama yang mengakibatkan koperasi-koperasi ini menghadapi masalah.

**\*26. Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan nisbah kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia tahun ini ialah 66.1% berbanding dengan 72.4 peratus bagi tahun lalu, apakah tindakan yang Kementerian akan ambil supaya prestasi calon-calon SPM tidak akan merosot di tahun-tahun akan datang di bawah format Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).

**\*27. Tuan K. Munisamy** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan kes-kes pembunuhan diri mengikut kaum di negara ini;
- (b) apakah jenis-jenis kes pembunuhan diri yang sering berlaku; dan
- (c) apakah tindakan kerajaan untuk mengawal kes-kes pembunuhan diri.

**\*28. Puan Habshah binti Haji Osman** minta Perdana Menteri menyatakan peranan Kraftangan untuk membantu industri kraf serta Cottage Industri di negara ini untuk bersaing maju:

- (a) apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kraftangan serta agensi-agensinya untuk memperkenalkan industri ini dari segi produk, promosi, pemasaran dan juga bantuan teknikal; dan

(b) adakah promosi-promosi yang telah dilakukan di luar negara berjaya memasarkan produk-produk kraftangan pengusaha tempatan. Apakah nilai eksport yang telah dicapai semenjak 5 tahun kebelakangan ini berbanding dengan kos promosi yang telah dibuat.

**\*29. Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Kewangan menyatakan kesan kadar tukaran wang ringgit Malaysia yang lemah terhadap kadar inflasi, sama ada keadaan ini akan menjejaskan usaha Kerajaan berhasrat untuk mengawal kadar inflasi di bawah 3%.

**\*30. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah dan tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian terhadap pemaju yang gagal mengemukakan laporan penilaian semua projek di kawasan berbukit ekoran keruntuhan Kondominium Highland Tower.

**\*31. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah sebuah Kedai Telekom/Pejabat Kecil TNB baru akan diwujudkan di kawasan perumahan Taman Muda bagi kemudahan penduduk taman-taman perumahan yang sedang pesat membangun seperti Taman Mudah/Taman Putra/Taman Ampang Tasik/Taman Saraya/Taman Saga/Taman Melor/Taman Bukit Teratai membayar bil-bil mereka. Pada mada ini penduduk di kawasan ini terpaksa pergi ke Pekan Ampang atau Kuala Lumpur jika hendak berurusan terus dengan Telekom ataupun TNB. Kemudahan pusat pembayaran bil setempat yang dikendalikan oleh Pejabat Pos Taman Saraya tidak dapat menampung bilangan pelanggan yang berpusu-pusu setiap hari untuk menjelaskan bayaran bil mereka memandangkan beberapa buah bank perdagangan sudahpun menubuhkan cawangan masing-masing di kawasan ini, maka adalah wajar pihak Telekom dan TNB memikirkan untuk mengambil langkah merebut peluang membuka cawangan masing-masing di kawasan ini untuk faedah pelanggan mereka.

**\*32. Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada pelabur-pelabur dari negara ASEAN akan melabur di Malaysia dan nyatakan sama ada ahli-ahli perniagaan kita juga akan melabur di negara Thailand, Indonesia dan Filipina dan jika ya, adakah ia akan mendapat keuntungan dari negara ini dari segi pertukaran wang antarabangsa.

**\*33. Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan Kementerian ke atas pemilik-pemilik letak kereta persendirian yang menaikkan harga letak kereta 'parking' sesuka hati iaitu antara RM3.00 hingga RM5.00 satu jam di sekitar Lembah Kelang.

**\*34. Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan bagaimana Kementerian membendung generasi muda sekarang dari terus menghantar ibu bapa mereka ke rumah kebajikan. Tidakkah langkah ini menimbulkan satu kesan psikologi yang tidak baik kepada generasi yang akan datang bahawa mereka berfikir akan menghantar ibu bapa (generasi sekarang) ke situ bila tua nanti, untuk melepaskan tanggungjawab mereka. Senaraikan rumah-rumah kebajikan yang ada dan jumlah penghuninya.

**\*35. Tuan Isli Haji Siput** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada program menghantar pelajar-pelajar ke Luar negara akan diteruskan. Walaupun Universiti tempatan dapat menampung bilangan penuntut dan berapakah biaya yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk program ini setahun;
- (b) adakah Menteri sedar bahawa kedudukan serta tahap pencapaian penuntut dari Sabah agak merosot dan keputusan SPM baru-baru ini merupakan pencapaian yang terburuk sekali. Jika sedar apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasinya dan adakah pihak Kementerian telah dapat mengenal pasti punca kemerosotan tersebut.

**\*36. Tuan Isli Haji Siput** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan Negeri Sabah sewaktu PBS pernah memohon secara rasmi untuk menubuhkan sebuah Universiti di Sabah. Bilakah Kerajaan akan mula mendirikan Universiti Sabah dan di manakah ianya akan ditempatkan serta berapa anggaran peruntukan yang akan disediakan oleh pihak Kerajaan; dan
- (b) sama ada Universiti tempatan pada masa ini mampu menampung kemasukan pelajar-pelajar tempatan dan berapakah bilangan penuntut daripada Sabah yang diterima masuk ke Universiti setiap tahun.

**\*37. Puan Rosalind Yau Shuk Meng** minta Menteri Perpaduan Negara dan Perpaduan Masyarakat menyatakan sejak sumbangan penyanyi Rock Ella sebanyak RM100,000 kepada Yayasan Kebajikan, apakah sambutan dari artis-artis lain.

**\*38. Tuan Haji Saidin bin Mohamad** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Penapis Filem daripada Majlis Agama Islam mengambil tindakan undang-undang terhadap pelakon-pelakon Islam yang keterlaluan yang terdapat bukti nyata dalam filem-filem yang ditolak.

**\*39. Tuan Ho Cheng Wang** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa:

- (a) berapa aduan telah terima oleh Biro Pengaduan Awam dalam tahun 1992 dan 1993;
- (b) berapa aduan telah disiasat dan mendapat keputusan seadil-adilnya;
- (c) adakah kakitangan Kerajaan yang terlibat dalam kes aduan dan didakwa selepas siasatan; dan
- (d) tindakan positif Kementerian untuk mengurangkan kakitangan Kerajaan terlibat dalam kes aduan-aduan tersebut.

**\*40. Tuan Haji Shuib bin Haji Endut** minta Menteri Pertanian menyatakan tentang:

- (a) berapakah jumlah tangkapan bot nelayan sepanjang tahun 1993 dan 1994; dan
- (b) dari kes tangkapan ini, ada bot-bot yang dihukum rampas oleh mahkamah. Adakah beliau sedar bahawa tindakan ini hanya mencerminkan bahawa Jabatan Perikanan bukanlah berperanan mengembangkan industri perikanan negara tetapi sebaliknya “merosakkan” masa depan industri itu dan tidak membantu nelayan.

**\*41. Tuan Haji Shuib bin Haji Endut** minta Menteri Pertanian menyatakan tentang:

- (a) jumlah lesen perikanan laut dalam yang dikeluarkan sehingga April 1994;
- (b) kenapa akhir-akhir ini, Jabatan Perikanan terlalu mengetatkan dan menimbulkan banyak "karenah birokrasi" dalam hal pembaharuan lesen tersebut; dan
- (c) tidak beliau sedar dengan tindakan segelintir pegawai perlesenan ini, ramai di kalangan nelayan dan pengusaha laut tidak dapat beroperasi dan mereka terpaksa menanggung hutang dari pihak bank. Kalau sedar apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

**\*42. Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah tujuan menukar syarat 'loading' bagi kereta-kereta prebet dari 10 tahun ke atas kepada 5 tahun. Tidakkah ini membebankan pemilik-pemilik kereta dari golongan yang berpendapatan sederhana.

**\*43. Tuan K. Munisamy** minta Menteri Pertanian menyatakan bahawa adakah pemberian subsidi dijalankan kepada pekerja-pekerja ladang yang ingin menjalankan penternakan haiwan. Jika tidak, adakah rancangan begini pada masa depan.

**\*44. Puan Habshah binti Haji Osman** minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Malaysia terhadap pencabulan kedaulatan negara Bosnia Herzegovina dan selain daripada mengekalkan tentera-tentera Malaysia untuk terus mempertahankan negara itu adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhasrat untuk memulakan tindakan undang-undang jenayah antarabangsa di Tribunal Jenayah Dunia untuk membawa pengganas-pengganas Serb terutama pemimpin-pemimpinnya ke muka pengadilan. Bagi maksud tersebut adakah Kerajaan Malaysia berhasrat untuk meratifikasikan "Ratify" "Convention On The Prevention And Punishment Of The Crime Of Genocide" untuk membolehkan Malaysia memulakan tindakan jenayah terhadap mereka yang bersalah itu.

**\*45. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah pihak Kementerian sudah menyiapkan kajian terperinci sebelum menerima tawaran para banduan Penjara Kajang yang bercadang untuk menderma organ tubuh badan mereka kepada pesakit buah pinggang; dan
- (b) jika kajian tersebut sudah siap apakah butir-butir penting kajian berkenaan.

**\*46. Puan Hajjah Che Pora binti Haji Omar** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:

- (a) berapakah Stesen Pengukur aras laut yang terdapat di seluruh negara; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menambah pembinaan stesen tersebut memandangkan peranannya penting dalam perhubungan sungai dan laut sereta perancangan sumber hidrokarbon.

**\*47. Dr. Ng Yen Yen** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan pekerja asing yang berada di negara kita sekarang dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah pendatang bekerja tanpa izin;
- (b) apakah prosedur dan peranan Imigresen dalam proses memohon pengambilan pekerja asing; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Dalam Negeri untuk menghantar balik pekerja-pekerja tanpa izin di dalam kem tahanan sekarang.